

17 FEB 2003

Mahathir-Badminton

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA HAFIZ

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemain perseorangan badminton negara, Muhammad Hafiz Hashim, yang menjuarai bahagian perseorangan Kejohanan Badminton All England di Birmingham, England, semalam.

"Alhamdulillah, saya bersyukur dan sesungguhnya amat gembira bahawa Hafiz, dia bukan sahaja boleh hafal, tapi dia boleh main badminton. Tahniah dan selamat maju jaya," kata Perdana Menteri.

"Hafiz" dalam bahasa Arab bererti "hafal" atau seseorang yang mengawasi sesuatu dengan jujur.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas kejayaan Muhammad Hafiz sebagai juara perseorangan Badminton All England, sekaligus menamatkan penantian selama 37 tahun bagi pemain negara menjuarai kejohanan terulung sukan badminton itu.

Sambil menyatakan bahawa Muhammad Hafiz telah bermain dengan baik dan cemerlang, Perdana Menteri meminta pihak-pihak tertentu tidak terlalu memanjakannya dengan memberi terlalu banyak ganjaran.

"Sekarang, saya ingin meminta semua pihak agar tidak memanjakannya dan anda telah melihat sebelum ini apa yang mereka telah lakukan kepada juara terdahulu, sebab anda memanjakan mereka.

"Saya harap negeri-negeri tidaklah beri tanah lima ekar, duit satu million, lepas tu tak boleh main badminton. Dok nampak tanah...duit, tanah... duit, lima million, tiga million, satu billion," kata Dr Mahathir sambil menggayakan tangannya memukul bulu tangkis.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan raptai majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Pemain-pemain badminton negara sebelum ini telah diberikan pelbagai insentif termasuk ganjaran tanah dan wang sebagai menghargai kejayaan mereka. Tetapi galakan berkenaan dikatakan telah melekakan pemain sehingga gagal menunjukkan prestasi lebih cemerlang.

Muhammad Hafiz, 20, muncul juara Seluruh England yang baru setelah menundukkan pemain pilihan utama dari China, Chen Hong 17-14, 15-10 pada kejohanan itu.

Kali terakhir pemain negara memenangi kejuaraan badminton berkenaan ialah pada 1966 menerusi Tan Aik Huang.

Sementara itu, Penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyifatkan kejayaan Muhammad Hafiz sebagai "mengejutkan tetapi mengagumkan."

"Kemenangannya itu amat mengagumkan...amat mengejutkan. Tapi dia seorang pemuda yang penuh stamina. Saya amat berbangga dengannya yang memenangi kejohanan itu selepas 37 tahun," katanya semasa ditemui selepas mengiringi Dr Mahathir ke raptai berkenaan.

-- BERNAMA

HS MAM ROS